



ENAGIC® (MALAYSIA) SDN BHD
(201101042983)(AJL931978)

PRIVACY POLICY

Effective Date: 13 August 2025
Last Reviewed: 13 August 2025

English Version

Please be informed that Enagic® (Malaysia) Sdn Bhd (Company No. 201101042983), (hereinafter referred to as "Enagic® (M)", "Us", "Our" and "We") is subject to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), including its subsidiary legislation, regulations, and any relevant law in Malaysia, as amended from time to time. Enagic® (M) is committed to respecting your privacy, protecting the personal data in our possession, and to provide our distributors and users with the highest standards of customer service.

Our Enagic® (M) websites, namely <https://www.enagic-my.com> and <https://shop.enagic-my.com> (collectively referred to as ("Websites")) have been structured in a manner that allows you to browse without identifying yourself or revealing any personal information. However, any information, communication or material provided to us, whether received online, electronically and/or in hardcopy form, including but not limited to, any data, documentations, questions, comments, or suggestions, will be treated as confidential and proprietary, except as set forth in the PDPA and any relevant law in Malaysia.

Notwithstanding the above, it is mandatory for you to provide your Personal Data to Enagic® (M) where such data is necessary for us to:

- (i) supply you with our products and services;
- (ii) process your job application; or
- (iii) appoint you as a user and/or distributor.

Your failure to provide such Personal Data may result in our inability to proceed with the relevant transaction or engagement with you.

The purpose of this Privacy Policy ("**Policy**") is to inform you, the distributors, job applicants and users of our privacy policies, as well as the choices you can make about the way your personal data is collected, used, disclosed or processed. This Policy sets our key principles and commitment in protecting your privacy. We are committed to maintaining your trust by safeguarding the confidentiality, integrity and security of your Personal Data.

Enagic® (M) reserves the right to update this Policy at any time. Any updated version will be published on our Websites, and you are encouraged to check our Websites periodically to stay informed of our latest policies regarding personal data protection. By continuing your relationship or dealings with Enagic® (M), you shall be deemed to have accepted the amended Policy and to be bound by its prevailing terms.

1. INFORMATION COLLECTION STATEMENT

- 1.1 "Personal Data" means any information in respect of commercial transactions relating to Enagic® (M)'s customers and/or distributors and/or users that is provided or made available to Enagic® (M), our parent company, subsidiaries, related or associated companies. This includes any information that relates directly or indirectly to an individual, or that can be used to identify an individual, whether alone or in combination with other information in Enagic® (M)'s possession. Such information may include, but is not limited to, name, identity card/passport no., mailing address and contact details,

contact number, account number, credit card details and tax identification number.

- 1.2 If you provide us with Personal Data relating to a third party, you represent and warrant to us that you have obtained consent from the third party to provide us with their Personal Data for the relevant purposes.
- 1.3 “Sensitive Personal Data” includes, among other things, information about physical or mental health, political opinions, religious beliefs, commission or alleged commission of any offence, and biometric data. We may collect your Sensitive Personal Data. If you voluntarily provide us with any Sensitive Personal Data, such provision will be deemed as your explicit consent, given by conduct, for us to collect, use and disclose such information solely for the purpose for which it was provided.
- 1.4 Your Personal Data may be collected directly from you, and/or third parties and/or from any other publicly available sources and over time through our relationship with you.
- 1.5 Your Personal Data may be collected and/or retained in any form, including but not limited to writing, electronic, or verbal formats.

Enagic® (M) has the right to record and maintain a record of consent provided by individuals through any forms that have been filled up and submitted to us. The Personal Data collected may be stored and transferred to the Enagic® (M) Headquarters’ database and data storage facilities, which may be located at a place outside of Malaysia.

2. USE OF PERSONAL DATA

- 2.1 Enagic® (M) collects, uses, discloses, and otherwise processes your Personal Data to better understand your needs and to enhance the quality of our services. Your Personal Data will be used by us to communicate with you, provide updates on our goods or services, benefits, assist in completing any transactions, and to manage all aspects of our business relationship with you, including but not limited to handling complaints, inquiries, requests, warranty claims, returns and/or refunds, terminations, after-sales services, and other related matters.
- 2.2 Enagic® (M) may process your Personal Data without your consent where such processing is permitted under the PDPA or any other applicable law in Malaysia.

2.3 Fulfilling your Transaction Request

If you make a request to Enagic® (M), for example, a product or service, or a request for a business transfer, we will use the information provided to us to fulfil your request. To help us do this, we may share information with other third parties, for instance, Enagic® (M)'s business partners, related and/or affiliated company whether within or outside Malaysia, or financial institutions involved in fulfilment of such transaction request. In connection with such transaction, we may also contact you as part of our customer satisfaction surveys or for market research purposes.

2.4 Personalizing your Experience on our Websites

We may use information we collect about you to provide you with a personalised experience on our Websites, such as providing you with content in which you may be interested and making navigation on our Websites easier.

2.5 Marketing

The information you provide to Enagic® (M), as well as information we collect about you indirectly, may be used by us for marketing purposes. However, before doing so, we will provide you with the opportunity to opt out of such use. Additionally, from time to time, Enagic® (M) may also disclose the names, images, and/or photographs of its distributors on its Websites and social media platforms for purposes, including but not limited to promotional activities, recognition of distributor achievements, participation in trainings, events, or speaking engagements, and other marketing campaigns. Your information may further be used to conduct marketing, client profiling, and business development

activities, as well as for market research, statistical analysis, and customer surveys in relation to our projects, products or services. You may choose to opt out of receiving marketing materials from us at any time by contacting our Data Protection Officer (“DPO”) directly (please refer to Section 11 below). We will process and comply with your opt-out request within a reasonable period.

2.6 Recruitment

In connection with a job application or inquiry, whether in response to a vacancy advertised on Enagic® (M)’s Websites or otherwise, you may provide us with Personal Data about yourself, such as your curriculum vitae or resume. This information may be used across Enagic® (M) to assess your application or inquiry, or to consider you for future employment opportunities. Unless you inform us otherwise, we may retain your information for future consideration, for a period consistent with our data retention practices (please refer to the “Retention of Personal Data” section below).

2.7 Required by Law

We reserve the right to disclose your Personal Data where such disclosure is required by law or authorised under any applicable law or by order of a court, or where it is necessary for the purposes of preventing or detecting a crime, conducting investigations or protecting and enforcing our legal rights, or the rights of others. Any such disclosure shall be made in accordance with the PDPA and any other relevant legal obligations.

2.8 Compliance and Risk Management

We may use your Personal Data for purposes related to compliance and risk management, including but not limited to audits, internal investigations, conflict of interest reporting, security processes and other governance-related activities.

2.9 Tax Compliance

Enagic® (M) recognises the importance of complying with applicable tax laws and regulations. In this regard, we may process your Personal Data for tax purposes, including but not limited to maintaining accurate records, reporting income, and fulfilling other tax-related obligations. Where required, we may disclose relevant information to tax authorities or other regulatory bodies to ensure compliance with applicable laws and regulations. To facilitate compliance, you agree to provide us with any information and supporting documents we may require from time to time in relation to your tax residency or tax status. You confirm that all information and documents furnished are true, correct and complete. Further, you undertake to notify us promptly, and in any event, no later than thirty (30) days, of any changes to such information and documents furnished to us.

3. COLLECTION AND USE OF NON-PERSONAL DATA

We may also collect non-personal data, which refers to information that does not identify any individual directly or indirectly. Such data may be collected, used, transferred, disclosed and processed for any legitimate business purposes. The following are some examples of non-personal data that we collect, but are not limited to the following:

- a) We may collect transactional information such as sales revenue, commissionable amounts and payment history, which may be used to calculate commissions payable to distributors, analyse customer trends, and to improve our products, services and marketing strategy.
- b) We may also collect information regarding customer activities and interactions on our Websites and through our products and services. This information may be aggregated to help us provide more relevant content and information to our customers, improve user experience, and to better understand which parts of our Websites, products or services are of most interest to our customers. Where non-personal data is aggregated or anonymised such that it can no longer be used to identify any individual, it will not be subject to the PDPA. However, in the event that non-personal data is combined with personal data in a manner that renders an individual identifiable, the combined data will be treated as Personal Data and will be processed in

accordance with this Policy and the provisions of the PDPA for as long as it remains capable of identifying that individual.

4. DISCLOSURE

- 4.1 Enagic® (M) shall not disclose any of your Personal Data to any third party without your consent, except in the following circumstances:
- a) to our parent company, subsidiaries, related or associated companies for our internal business and operational purposes, including but not limited to Enagic® Headquarters, Enagic® Singapore, Enagic® Hong Kong and other Enagic® group entities;
 - b) to our business partners, affiliates, clients, professional advisors, corporate service providers and other third-party service providers, whether located within or outside of Malaysia;
 - c) to our appointed and certified Enagic® Service Agents within Malaysia;
 - d) where the disclosure is required or requested by you, whether in writing or through electronic means; or
 - e) where the disclosure is for the same purpose for which the Personal Data was collected, or for any other purposes directly related to that original purpose.
- 4.2 Enagic® (M) reserves the right to disclose your Personal Data where such disclosure is required or permitted under the PDPA or any other applicable law. Your personal data collected by us may be disclosed or transferred to relevant third parties (collectively, the "Third Party Recipients"), whether located within or outside of Malaysia, for the purposes set out in this Policy. By continuing to engage with us, you are deemed to have consented to the disclosure and cross-border transfer of your Personal Data to these Third Party Recipients, where such disclosure or transfer is necessary to fulfil the stated purposes. The list of Third Party Recipients are as follows and may be updated from time to time:
- a) any government authority, regulatory body, enforcement agency or statutory body for purposes of compliance with any legal, regulatory or governmental notification or reporting obligations;
 - b) courts of law, tribunals, arbitration centres, commissions, local councils or legally authorised associations, including pursuant to any lawful order or judgement;
 - c) any financial institution, including those in connection with a loan or financing application made or authorized by you;
 - d) any party for the purpose of preventing or detecting crime, unlawful activities or fraud, or in connection with investigations, enforcement actions or prosecution of offenders; and
 - e) any relevant third party where necessary to protect or enforce our legal rights or defend our interests.
- 4.3 Enagic® (M) takes reasonable and appropriate security measures to ensure that any disclosure of your Personal Data to third parties is carried out in a secure and controlled manner. These measures include, but are not limited to,
- a) verifying the identity of the requesting third party by requiring the submission of a copy of their identification card (IC) or other valid identification documents prior to the disclosure of any Personal Data;
 - b) requiring third parties acting on behalf of a data subject to complete a Consent Authorization Form and provide a copy of their identification card (IC) or other valid identification documents of both the third party and the relevant data subject, with all such authorisations and supporting records to be stored and recorded in a Consent Authorisation File; and

- c) ensuring that appropriate access controls and internal procedures are in place to restrict unauthorised access to Personal Data by third parties.

5. SECURITY

- 5.1 Enagic® (M) is committed to taking all practical steps to ensure that we have appropriate security measures in place to protect and safeguard the confidentiality and integrity of all Personal Data under our control.
- 5.2 Such steps may include the implementation of appropriate technical and organisational measures, such as, access controls, encryption of sensitive data in storage and transit, including the use of multi-factor authentication mechanisms such as one-time passwords (OTP), anti-virus and firewall protection and access restrictions based on roles and responsibilities, to protect your Personal Data from risks such as unauthorised access, collection, use, disclosure, copying, modification, leakage, loss, damage, or alteration. While we take steps to implement reasonable and appropriate measures to safeguard your Personal Data, no system can be entirely risk free. We will continuously review and enhance our security measures to mitigate potential threats and protect your data to the extent reasonably possible. However, Enagic® (M) will not be responsible for any unauthorised use or disclosure of Personal Data by third parties where such acts are attributable to factors beyond our reasonable control.

6. RETENTION OF PERSONAL DATA

- 6.1 We will only retain your Personal Data for as long as necessary to fulfil the purposes for which it was collected, and following the fulfilment of those purposes, we will continue to retain your Personal Data for a further period of up to seven (7) years to comply with legal or regulatory requirements, to protect our legitimate interests, or for any other lawful purposes.
- 6.2 Once your Personal Data is no longer necessary for the purposes for which it was collected or for any legal or business purpose, or upon expiry of the applicable retention period, we will take reasonable steps to cease retention, anonymise or securely dispose or permanently delete such Personal Data.

7. DATA INTEGRITY

- 7.1 Enagic® (M) takes reasonable steps to ensure that all Personal Data collected and processed is accurate, complete, non-misleading, and kept up to date, having regard to the purpose for which it was collected and further processed.
- 7.2 It is your responsibility to ensure that the Personal Data you provide is accurate, complete, and current. You should notify us as soon as reasonably practicable if there are any changes to your Personal Data, or if you believe that any Personal Data we hold about you is inaccurate, incomplete or outdated (please refer to Section 8 below).

8. ACCESS, CORRECTION AND WITHDRAWAL OF PERSONAL DATA

- 8.1 You have the right to access, correct, update, limit the processing or withdraw your consent to the processing of your Personal Data by submitting your request to us using the Privacy Contact Form together with a copy of your identification card for verification purposes. Please refer to the contact details in Section 11 below.
- 8.2 If you have registered for an account on the Enagic Web Shop (<https://shop.enagic-my.com>), you may access and update certain personal information such as your address and contact number directly through your account.

- 8.3 Please note that failure to provide accurate or up-to-date Personal Data, or withdrawal of your consent, may limit our ability to continue processing your information and may result in the rejection of your application or the termination of your distributor status or any existing agreement with Enagic® (M).

9. RIGHTS TO DATA PORTABILITY

Subject to technical feasibility and the compatibility of the data format, you may request that we transmit your Personal Data directly to another data controller of your choice. To initiate such a request, you must submit a written notice to us via the contact details provided below (please refer to Section 11 below). Please note that the scope and extent of any data transfer may be limited by system compatibility, technical constraints, or legal and contractual obligations applicable to Enagic® (M). Upon receipt of a valid request, we will complete the transmission of the Personal Data within the period prescribed under applicable data protection laws or guidelines.

10. INTERNATIONAL TRANSFER OF PERSONAL DATA

Your Personal Data may be transferred to or stored in a place outside of Malaysia. Such transfers will only be made to countries that have in force data protection laws that are substantially similar to the PDPA, or to countries that provide an adequate level of protection that is at least equivalent to the level of protection afforded under the PDPA. By providing your Personal Data to Enagic® (M), you acknowledge and consent to the transfer of your Personal Data to a place outside of Malaysia in accordance with these conditions.

11. DATA PROTECTION OFFICER

If you have any concerns, queries, complaints or requests regarding your Personal Data, including access, correction, updates, or withdrawal of consent, you may contact our DPO during office hours using the contact details provided below:

Data Protection Officer

Email: dpo_enagic@hhq.com.my

This Policy is available in English and Bahasa Malaysia. In case of any discrepancy between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.



ENAGIC® (MALAYSIA) SDN BHD
(201101042983)(AJL931978)

DASAR PRIVASI

Tarikh Berkuat Kuasa: 13 Ogos 2025
Tarikh Semakan Terakhir: 13 Ogos 2025

Versi Bahasa Malaysia

Sila dimaklumkan bahawa Enagic® (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat 201101042983), (selepas ini dirujuk sebagai "Enagic® (M)" dan "Kami") adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), termasuk perundangan subsidiarinya, peraturan, dan mana-mana undang-undang yang berkaitan di Malaysia, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa. Enagic® (M) komited untuk menghormati privasi anda, melindungi data peribadi yang kami miliki, dan untuk menyediakan pengedar dan pengguna kami dengan standard perkhidmatan pelanggan tertinggi.

Laman web Enagic® (M) kami, iaitu <https://www.enagic-my.com> dan <https://shop.enagic-my.com> (secara kolektif dirujuk sebagai ("Laman Web") telah disusun dengan cara yang membolehkan anda melayari tanpa mengenal pasti diri anda atau mendedahkan sebarang maklumat peribadi. Walau bagaimanapun, sebarang maklumat, komunikasi atau bahan yang diberikan kepada kami, sama ada diterima dalam talian, elektronik dan/atau dalam bentuk salinan cetak, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang data, dokumentasi, soalan, komen, atau cadangan, akan dianggap sebagai sulit dan proprietari, kecuali seperti yang dinyatakan dalam PDPA dan mana-mana undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

Walaupun apa pun yang dinyatakan di atas, ia adalah wajib bagi anda untuk memberikan Data Peribadi anda kepada Enagic® (M) di mana data tersebut diperlukan untuk kami untuk:

- (i) membekalkan anda dengan produk dan perkhidmatan kami;
- (ii) memproses permohonan kerja anda; atau
- (iii) melantik anda sebagai pengguna dan/atau pengedar.

Kegagalan anda untuk memberikan Data Peribadi tersebut boleh mengakibatkan ketidakupayaan kami untuk meneruskan transaksi atau penglibatan yang berkaitan dengan anda.

Tujuan Dasar Privasi ini ("**Dasar**") adalah untuk memaklumkan anda, pengedar, pemohon kerja dan pengguna tentang dasar privasi kami, serta pilihan yang boleh anda buat tentang cara data peribadi anda dikumpulkan, digunakan, dizahirkan atau diproses. Dasar ini menetapkan prinsip utama dan komitmen kami dalam melindungi privasi anda. Kami komited untuk mengekalkan kepercayaan anda dengan melindungi kerahsiaan, integriti dan keselamatan Data Peribadi anda.

Enagic® (M) berhak untuk mengemas kini Dasar ini pada bila-bila masa. Sebarang versi yang dikemas kini akan diterbitkan di Laman Web kami, dan anda digalakkan untuk menyemak Laman Web kami secara berkala untuk sentiasa dimaklumkan tentang dasar terkini kami mengenai perlindungan data peribadi. Dengan meneruskan hubungan atau urusan anda dengan Enagic® (M), anda akan dianggap telah menerima Dasar yang dipinda dan terikat dengan terma semasanya.

1. PENYATA PENGUMPULAN MAKLUMAT

- 1.1 "Data Peribadi" bermaksud sebarang maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang berkaitan dengan pelanggan dan/atau pengedar dan/atau pengguna Enagic® (M) yang diberikan atau disediakan kepada Enagic® (M), syarikat induk kami, anak syarikat, syarikat berkaitan atau

bersekutu. Ini termasuk sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, atau yang boleh digunakan untuk mengenal pasti individu, sama ada secara bersendirian atau digabungkan dengan maklumat lain dalam simpanan Enagic® (M). Maklumat sedemikian mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, nombor kad pengenalan/pasport, alamat surat-menyurat dan butiran hubungan, nombor hubungan, nombor akaun, butiran kad kredit dan nombor pengenalan cukai.

- 1.2 Jika anda memberikan kami Data Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, anda mewakili dan menjamin kepada kami bahawa anda telah mendapat persetujuan daripada pihak ketiga untuk memberikan kami Data Peribadi mereka untuk tujuan yang berkaitan.
- 1.3 “Data Peribadi Sensitif” termasuk, antara lain, maklumat tentang kesihatan fizikal atau mental, pendapat politik, kepercayaan agama, perlakuan atau pengataatan pelakuan apa-apa kesalahan, dan data biometrik. Kami mungkin mengumpul Data Peribadi Sensitif anda. Jika anda secara sukarela memberikan kami sebarang Data Peribadi Sensitif, peruntukan tersebut akan dianggap sebagai persetujuan secara nyata anda, yang diberikan melalui kelakuan, untuk kami mengumpul, menggunakan dan menzahirkan maklumat tersebut semata-mata untuk tujuan ia diberikan.
- 1.4 Data Peribadi anda boleh dikumpulkan terus daripada anda, dan/atau pihak ketiga dan/atau daripada mana-mana sumber lain yang tersedia secara umum dan dari semasa ke semasa melalui hubungan kami dengan anda.
- 1.5 Data Peribadi anda boleh dikumpulkan dan/atau disimpan dalam apa jua bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada format bertulis, elektronik atau lisan.

Enagic® (M) mempunyai hak untuk merekodkan dan mengekalkan rekod persetujuan yang diberikan oleh individu melalui mana-mana borang yang telah diisi dan diserahkan kepada kami. Data Peribadi yang dikumpul boleh disimpan dan dipindahkan ke pangkalan data dan kemudahan penyimpanan data Ibu Pejabat Enagic® (M), yang mungkin terletak di tempat di luar Malaysia.

2. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

- 2.1 Enagic® (M) mengumpul, menggunakan, menzahirkan, dan memproses Data Peribadi anda untuk lebih memahami keperluan anda dan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kami. Data Peribadi anda akan digunakan oleh kami untuk berkomunikasi dengan anda, memberikan kemas kini tentang barangan atau perkhidmatan kami, faedah, membantu dalam menyelesaikan sebarang transaksi, dan untuk menguruskan semua aspek hubungan perniagaan kami dengan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengendalikan aduan, pertanyaan, permintaan, tuntutan jaminan, pemulangan dan/atau bayaran balik, penamatan, perkhidmatan selepas jualan dan perkara lain yang berkaitan.

- 2.2 Enagic® (M) boleh memproses Data Peribadi anda tanpa persetujuan anda jika pemprosesan tersebut dibenarkan di bawah PDPA atau mana-mana undang-undang lain yang terpakai di Malaysia.

2.3 Memenuhi Permintaan Transaksi Anda

Jika anda membuat permintaan kepada Enagic® (M), sebagai contoh, produk atau perkhidmatan, atau permintaan untuk pemindahan perniagaan, kami akan menggunakan maklumat yang diberikan kepada kami untuk memenuhi permintaan anda. Untuk membantu kami melakukan ini, kami mungkin berkongsi maklumat dengan pihak ketiga yang lain, contohnya, rakan kongsi perniagaan Enagic® (M), syarikat berkaitan dan/atau gabungan sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau institusi kewangan yang terlibat dalam memenuhi permintaan transaksi tersebut. Berhubung dengan transaksi tersebut, kami juga boleh menghubungi anda sebagai sebahagian daripada tinjauan kepuasan pelanggan kami atau untuk tujuan penyelidikan pasaran.

2.4 Memperibadikan Pengalaman anda di Laman Web kami

Kami mungkin menggunakan maklumat yang kami kumpulkan tentang anda untuk memberikan anda pengalaman yang diperibadikan di Laman Web kami, seperti menyediakan anda dengan kandungan yang mungkin anda minati dan memudahkan navigasi di Laman Web kami.

2.5 Pemasaran

Maklumat yang anda berikan kepada Enagic® (M), serta maklumat yang kami kumpulkan tentang anda secara tidak langsung, boleh digunakan oleh kami untuk tujuan pemasaran. Walau bagaimanapun, sebelum berbuat demikian, kami akan memberi anda peluang untuk menarik diri daripada penggunaan sedemikian. Selain itu, dari semasa ke semasa, Enagic® (M) juga boleh menzahirkan nama, imej dan/atau gambar pengedarnya di Laman Web dan platform media sosialnya untuk tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti promosi, pengiktirafan pencapaian pengedar, penyertaan dalam latihan, acara atau penglibatan ceramah, dan kempen pemasaran lain. Maklumat anda boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti pemasaran, pemprofilan pelanggan dan pembangunan perniagaan, serta untuk penyelidikan pasaran, analisis statistik dan tinjauan pelanggan berhubung dengan projek, produk atau perkhidmatan kami. Anda boleh memilih untuk menarik diri daripada menerima bahan pemasaran daripada kami pada bila-bila masa dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data ("DPO") kami secara langsung (sila rujuk Seksyen 11 di bawah). Kami akan memproses dan mematuhi permintaan menarik diri anda dalam tempoh yang munasabah.

2.6 Pengambilan

Berhubung dengan permohonan kerja atau pertanyaan, sama ada sebagai tindak balas kepada kekosongan jawatan yang diiklankan di Laman Web Enagic® (M) atau sebaliknya, anda boleh memberikan kami Data Peribadi tentang diri anda, seperti kurikulum vitae atau resume anda. Maklumat ini boleh digunakan di seluruh Enagic® (M) untuk menilai permohonan atau pertanyaan anda, atau untuk mempertimbangkan anda untuk peluang pekerjaan masa hadapan. Melainkan anda memaklumkan sebaliknya kepada kami, kami mungkin menyimpan maklumat anda untuk pertimbangan masa hadapan, untuk tempoh yang konsisten dengan amalan penyimpanan data kami (sila rujuk seksyen "Penyimpanan Data Peribadi" di bawah).

2.7 Diperlukan oleh Undang-undang

Kami berhak untuk menzahirkan Data Peribadi anda di mana penzahiran tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan atau melalui perintah mahkamah, atau di mana ia perlu untuk tujuan mencegah atau mengesan jenayah, menjalankan penyiasatan atau melindungi dan menguatkuasakan hak undang-undang kami, atau hak orang lain. Sebarang penzahiran sedemikian hendaklah dibuat mengikut PDPA dan sebarang kewajipan undang-undang lain yang berkaitan.

2.8 Pematuhan dan Pengurusan Risiko

Kami mungkin menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan yang berkaitan dengan pematuhan dan pengurusan risiko, termasuk tetapi tidak terhad kepada audit, penyiasatan dalaman, pelaporan konflik kepentingan, proses keselamatan dan aktiviti berkaitan tadbir urus yang lain.

2.9 Pematuhan Cukai

Enagic® (M) mengiktiraf kepentingan mematuhi undang-undang dan peraturan cukai yang berkenaan. Dalam hal ini, kami mungkin memproses Data Peribadi anda untuk tujuan cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengekalkan rekod yang tepat, melaporkan pendapatan dan memenuhi kewajipan berkaitan cukai yang lain. Jika diperlukan, kami mungkin menzahirkan maklumat yang berkaitan kepada pihak berkuasa cukai atau badan kawal selia lain untuk memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Untuk memudahkan pematuhan, anda bersetuju untuk memberikan kami sebarang maklumat dan dokumen sokongan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa berhubung dengan pemastautin cukai atau status cukai anda. Anda mengesahkan bahawa semua maklumat dan dokumen yang diberikan adalah benar, betul dan lengkap. Selanjutnya, anda berjanji untuk memberitahu kami dengan segera, dan dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari, tentang sebarang perubahan kepada maklumat dan dokumen yang diberikan kepada kami.

3. PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN DATA BUKAN PERIBADI

Kami juga mungkin mengumpul data bukan peribadi, yang merujuk kepada maklumat yang tidak mengenal pasti mana-mana individu secara langsung atau tidak langsung. Data sedemikian boleh dikumpulkan, digunakan, dipindahkan, dizahirkan dan diproses untuk sebarang tujuan perniagaan yang sah. Berikut ialah beberapa contoh data bukan peribadi yang kami kumpulkan, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a) Kami mungkin mengumpul maklumat transaksi seperti hasil jualan, jumlah komisen dan rekod pembayaran, yang boleh digunakan untuk mengira komisen yang perlu dibayar kepada pengedar, menganalisis arah aliran pelanggan dan untuk menambah baik produk, perkhidmatan dan strategi pemasaran kami.
- b) Kami juga boleh mengumpul maklumat mengenai aktiviti dan interaksi pelanggan di Laman Web kami dan melalui produk dan perkhidmatan kami. Maklumat ini boleh diagregatkan untuk membantu kami menyediakan kandungan dan maklumat yang lebih relevan kepada pelanggan kami, meningkatkan pengalaman pengguna, dan untuk lebih memahami bahagian Laman Web, produk atau perkhidmatan kami yang paling menarik minat pelanggan kami. Jika data bukan peribadi diagregatkan atau dianonimkan supaya ia tidak lagi boleh digunakan untuk mengenal pasti mana-mana individu, ia tidak akan tertakluk kepada PDPA. Walau bagaimanapun, sekiranya data bukan peribadi digabungkan dengan data peribadi dengan cara yang menjadikan individu boleh dikenal pasti, data gabungan akan dianggap sebagai Data Peribadi dan akan diproses mengikut Dasar ini dan peruntukan PDPA selagi ia masih mampu mengenal pasti individu tersebut.

4. PENZAHIRAN

4.1 Enagic® (M) tidak akan menzahirkan mana-mana Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda, kecuali dalam keadaan berikut:

- a) kepada syarikat induk kami, anak syarikat, syarikat berkaitan atau bersekutu untuk tujuan perniagaan dan operasi dalaman kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada Ibu Pejabat Enagic®, Enagic® Singapura, Enagic® Hong Kong dan entiti-entiti lain dalam kumpulan Enagic®;
- b) kepada rakan perniagaan, sekutu, pelanggan, penasihat professional, penyedia perkhidmatan korporat dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami yang lain, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia;
- c) kepada Ejen Perkhidmatan Enagic® kami yang dilantik dan diperakui di Malaysia;
- d) di mana penzahiran itu diperlukan atau diminta oleh anda, sama ada secara bertulis atau melalui cara elektronik; atau
- e) di mana penzahiran tersebut adalah untuk tujuan yang sama dengan Data Peribadi dikumpulkan, atau untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan tujuan asal tersebut.

4.2 Enagic® (M) berhak untuk menzahirkan Data Peribadi anda di mana penzahiran tersebut diperlukan atau dibenarkan di bawah PDPA atau mana-mana undang-undang lain yang berkenaan. Data peribadi anda yang dikumpulkan oleh kami boleh dizahirkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan (secara kolektif, "Penerima Pihak Ketiga"), sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, untuk tujuan yang dinyatakan dalam Dasar ini. Dengan terus berinteraksi dengan kami, anda dianggap telah bersetuju dengan penzahiran dan pemindahan rentas sempadan data peribadi anda kepada Penerima Pihak Ketiga ini, di mana penzahiran atau pemindahan tersebut diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan. Senarai Penerima Pihak Ketiga adalah seperti berikut dan boleh dikemas kini dari semasa ke semasa:

- a) mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan kawal selia, agensi penguatkuasaan atau badan

berkanun untuk tujuan pematuhan dengan sebarang pemberitahuan atau kewajipan pelaporan undang-undang, kawal selia atau kerajaan;

- b) mahkamah undang-undang, tribunal, pusat timbang tara, suruhanjaya, majlis tempatan atau persatuan yang diberi kuasa secara sah, termasuk menurut mana-mana perintah atau penghakiman yang sah;
- c) mana-mana institusi kewangan, termasuk yang berkaitan dengan permohonan pinjaman atau pembiayaan yang dibuat atau dibenarkan oleh anda;
- d) mana-mana pihak untuk tujuan mencegah atau mengesan jenayah, aktiviti haram atau penipuan, atau berkaitan dengan penyiasatan, tindakan penguatkuasaan atau pendakwaan pesalah; dan
- e) mana-mana pihak ketiga yang berkaitan jika perlu untuk melindungi atau menguatkuasakan hak undang-undang kami atau mempertahankan kepentingan kami.

4.3 Enagic® (M) mengambil langkah keselamatan yang munasabah dan sesuai untuk memastikan bahawa sebarang penzahiran Data Peribadi anda kepada pihak ketiga dijalankan dengan cara yang selamat dan terkawal. Langkah-langkah ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada,

- a) mengesahkan identiti pihak ketiga yang meminta dengan memerlukan penyerahan salinan kad pengenalan (IC) mereka atau dokumen pengenalan lain yang sah sebelum penzahiran sebarang Data Peribadi;
- b) menghendaki pihak ketiga yang bertindak bagi pihak subjek data untuk melengkapkan Borang Kebenaran Persetujuan dan menyediakan salinan kad pengenalan (IC) mereka atau dokumen pengenalan lain yang sah bagi kedua-dua pihak ketiga dan subjek data yang berkaitan, dengan semua kebenaran dan rekod sokongan tersebut yang disimpan dan direkodkan dalam Fail Kebenaran Persetujuan; dan
- c) memastikan kawalan akses dan prosedur dalaman yang sesuai disediakan untuk menyekat akses tanpa kebenaran kepada Data Peribadi oleh pihak ketiga.

5. KESELAMATAN

5.1 Enagic® (M) komited untuk mengambil semua langkah yang praktikal untuk memastikan bahawa kami mempunyai langkah keselamatan yang bersesuaian untuk melindungi dan memelihara kerahsiaan serta keutuhan semua Data Peribadi yang berada di bawah kawalan kami.

5.2 Langkah-langkah tersebut mungkin termasuk pelaksanaan langkah teknikal dan organisasi yang bersesuaian, seperti, kawalan akses, penyulitan data sensitif semasa penyimpanan dan penghantaran, termasuk penggunaan mekanisme pengesahan pelbagai faktor seperti kata laluan sekali (OTP), perlindungan anti-virus dan firewall dan sekatan akses berdasarkan peranan dan tanggungjawab, untuk melindungi Data Peribadi anda daripada risiko seperti akses, pengumpulan, penggunaan, penzahiran, penyalinan, pengubahsuaian, kebocoran, kehilangan, kerosakan atau perubahan yang tidak dibenarkan. Walaupun kami mengambil langkah untuk melaksanakan langkah yang munasabah dan bersesuaian untuk melindungi Data Peribadi anda, tiada sistem boleh bebas risiko sepenuhnya. Kami akan terus menyemak dan meningkatkan langkah keselamatan kami untuk mengurangkan potensi ancaman dan melindungi data anda setakat yang munasabah. Walau bagaimanapun, Enagic® (M) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penggunaan atau penzahiran Data Peribadi yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga di mana tindakan tersebut disebabkan oleh faktor di luar kawalan munasabah kami.

6. PENYIMPANAN DATA PERIBADI

6.1 Kami hanya akan menyimpan Data Peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, dan berikutan pemenuhan tujuan tersebut, kami akan terus menyimpan Data Peribadi

anda untuk tempoh selanjutnya sehingga tujuh (7) tahun untuk mematuhi keperluan undang-undang atau kawal selia, untuk melindungi kepentingan sah kami, atau untuk sebarang tujuan lain yang sah.

- 6.2 Sebaik sahaja Data Peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk tujuan ia dikumpulkan atau untuk sebarang tujuan undang-undang atau perniagaan, atau selepas tamat tempoh penyimpanan yang berkenaan, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk menghentikan penyimpanan, menganonimkan atau melupuskan dengan selamat atau memadamkan Data Peribadi tersebut secara kekal.

7. INTEGRITI DATA

- 7.1 Enagic® (M) mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi yang dikumpul dan diproses adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, dan sentiasa dikemas kini, dengan mengambil kira tujuan ia dikumpulkan dan diproses selanjutnya.
- 7.2 Ia adalah tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang anda berikan adalah tepat, lengkap dan terkini. Anda harus memberitahu kami secepat mungkin jika terdapat sebarang perubahan pada Data Peribadi anda, atau jika anda percaya bahawa mana-mana Data Peribadi yang kami pegang tentang anda adalah tidak tepat, tidak lengkap atau lapuk (sila rujuk Seksyen 8 di bawah).

8. AKSES, PEMBETULAN DAN PENARIKAN BALIK DATA PERIBADI

- 8.1 Anda mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan, mengemas kini, mengehadkan pemprosesan atau menarik balik persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi anda dengan menyerahkan permintaan anda kepada kami menggunakan Borang Hubungan Privasi bersama-sama dengan salinan kad pengenalan anda untuk tujuan pengesahan. Sila rujuk butiran hubungan di Seksyen 11 di bawah.
- 8.2 Jika anda telah mendaftar untuk akaun di Kedai Web Enagic (<https://shop.enagic-my.com>), anda boleh mengakses dan mengemas kini maklumat peribadi tertentu seperti alamat dan nombor hubungan anda terus melalui akaun anda.
- 8.3 Sila ambil perhatian bahawa kegagalan untuk memberikan Data Peribadi yang tepat atau terkini, atau penarikan balik persetujuan anda, boleh mengehadkan keupayaan kami untuk terus memproses maklumat anda dan boleh mengakibatkan penolakan permohonan anda atau penamatan status pengedar anda atau sebarang perjanjian sedia ada dengan Enagic® (M).

9. HAK UNTUK KEMUDAHALIHAN DATA

Tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data, anda boleh meminta kami menghantar Data Peribadi anda terus kepada pengawal data lain pilihan anda. Untuk memulakan permintaan sedemikian, anda mesti mengemukakan notis bertulis kepada kami melalui butiran hubungan yang disediakan di bawah (sila rujuk Seksyen 11 di bawah). Sila ambil perhatian bahawa skop dan tahap sebarang pemindahan data mungkin dihadkan oleh keserasian sistem, kekangan teknikal atau kewajipan undang-undang dan kontrak yang terpakai kepada Enagic® (M). Setelah menerima permintaan yang sah, kami akan melengkapkan penghantaran Data Peribadi dalam tempoh yang ditetapkan di bawah undang-undang atau garis panduan perlindungan data yang berkenaan.

10. PEMINDAHAN ANTARABANGSA DATA PERIBADI

Data Peribadi anda boleh dipindahkan ke atau disimpan di tempat di luar Malaysia. Pemindahan sedemikian hanya akan dibuat kepada negara yang mempunyai undang-undang perlindungan data yang serupa dengan PDPA, atau kepada negara yang menyediakan tahap perlindungan yang mencukupi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan yang diberikan di bawah

PDPA. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada Enagic® (M), anda mengakui dan bersetuju dengan pemindahan Data Peribadi anda ke tempat di luar Malaysia mengikut syarat-syarat ini.

11. PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan, pertanyaan, aduan atau permintaan mengenai Data Peribadi anda, termasuk akses, pembetulan, kemas kini atau penarikan balik persetujuan, anda boleh menghubungi DPO kami semasa waktu pejabat menggunakan butiran hubungan yang disediakan di bawah:

Pegawai Perlindungan Data

E-mel: dpo_enagic@hhq.com.my

Dasar ini tersedia dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.